

SUKUMS 2019 Pupuk Semangat Berpasukan antara Kakitangan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 18 Julai 2019 09:55 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 196

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


JUMAAT, 12 JULAI –
Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (SUKUMS) Ke-18 yang secara rasminya bermula hari ini mampu menyumbang kepada usaha memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof berkata, selain sebagai acara tahunan universiti, kejohanan ini juga dilihat sebagai kaedah untuk mewujudkan keakraban dalam kalangan staf serta dapat berinteraksi melalui sukan sekali gus dapat menerapkan

amalan gaya hidup sihat.

“Paling penting adalah semangat kesukanan tinggi harus dipamerkan dalam apa juga sukan yang kita serta dan janganlah kerana inginkan kemenangan menjadi faktor kepada terjadinya perpecahan.

“Komitmen yang dipamerkan oleh kakitangan saya lihat sebagai suatu yang perlu dibanggakan oleh warga universiti, dan untuk itu pengurusan universiti akan terus menyokong aktiviti berkaitan dengan sukan antaranya dengan membaiki kemudahan sukan yang sedia ada seperti trek dan balapan.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Perasmian SUKUMS kali ke-18 di UMS Arena, pagi tadi.

Menurut Vina, adalah menjadi harapan beliau agar kejohanan tersebut menjadi platform yang dapat digunakan bagi memastikan universiti terus cemerlang dalam semua bidang yang diceburi.

“Saya juga rasa perlu untuk menetapkan objektif utama agar lebih ramai lagi kakitangan UMS yang dapat mewakili negeri mahupun pasukan kebangsaan pada masa akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak 24 jenis sukan dipertandingkan termasuk dua sukan yang baru diperkenalkan iaitu sukan memancing laut dalam dan petanque.

Lapan pasukan akan bersaing merebut kejuaraan pada SUKUMS kali ini, iaitu Kontinen Twin Tower, D'Arts, Royal Esteem, The Legend, Team Sandakan, Science United, UMSKAL, dan Super 9.

Hadir sama Pengarah Pusat Sukan UMS, Ahmad Nurdin.